



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA SEGERA **SARAWAK HARI INI MEREKODKAN SEORANG (1) LAGI KES** **KEMATIAN DAN ENAM (6) LAGI KES BAHARU POSITIF COVID-19**

1. LAPORAN HARIAN

Sarawak hari ini merekodkan **seorang (1) lagi** kes kematian menjadikan jumlah kes kematian di Sarawak sebanyak **13 Kes.**

Mangsa kematian ketiga belas merupakan seorang perempuan berumur 23 tahun adalah seorang pelajar di Universiti Malaysia Sarawak yang tinggal di Kota Samarahan. Kedua ibu bapanya juga telah disahkan positif COVID-19. Kes telah menghadapi kesukaran untuk bernafas pada 30 Mac yang lalu dan telah dimasukkan ke wad ICU Hospital Umum Sarawak pada hari yang sama dan meninggal pada 09 April jam 9.42 pagi.

Manakala **enam (6) lagi** kes baharu positif COVID-19, menjadikan jumlah bilangan kes di Sarawak sebanyak **312 kes** sejak kes positif pertama dilaporkan pada 13 Mac 2020. Daripada 6 kes tersebut, 5 kes dirawat di Hospital Umum Sarawak dan 1 kes di Hospital Bintulu.

Pada hari ini, sebanyak **141 kes baharu** *Person Under Investigation* (PUI) dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak **2,005 kes.** Daripada jumlah itu, **1,548 kes** adalah negatif dan **145 kes PUI** masih menunggu keputusan makmal.

Statistik Kes PUI baharu mengikut Daerah.

| BIL | DAERAH | JUMLAH |
|---------------|---------------|---------------|
| 1 | Kuching | 100 |
| 2 | Samarahan | 12 |
| 3 | Miri | 10 |
| 4 | Saratok | 5 |
| 5 | Bintulu | 5 |
| 6 | Bau | 3 |
| 7 | Serian | 2 |
| 8 | Simunjan | 1 |
| 9 | Sri Aman | 1 |
| 10 | Betong | 1 |
| 11 | Mukah | 1 |
| JUMLAH | | 141 |

2. PEMANTAUAN TEMPOH PKP

Sehingga hari ini, pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan adalah sebanyak **96.5%**. Semalam pihak Polis telah menangkap **27 orang** di Sarawak kerana melanggar PKP dan **19 orang** telah dituduh di Mahkamah. Dari jumlah tersebut, **12 orang** telah mengaku salah, manakala seramai **4 orang** telah dipenjarakan dan **5 orang** telah didenda.

Berikut Adalah Kes Tangkapan Harian Mengikut Daerah (sehingga 08.04.2020).

| BIL | DAERAH | JUMLAH ORANG |
|---------------------------|----------------|---------------------|
| 1 | Miri | 13 |
| 2 | Kuching | 12 |
| 3 | Kota Samarahan | 1 |
| 4 | Lundu | 1 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 27 |

Berikut Adalah Kes Pertuduhan Harian Mengikut Daerah (sehingga 08.04.2020).

| BIL | DAERAH | JUMLAH ORANG |
|---------------------------|---------------|---------------------|
| 1 | Kuching | 5 |
| 2 | Lundu | 4 |
| 3 | Sarikei | 4 |
| 4 | Padawan | 3 |
| 5 | Tatau | 2 |
| 6 | Bintulu | 1 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 19 |

Sehingga hari ini seramai **4,148 petugas** PDRM telah menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan dan dibantu seramai **1,220 agensi** bantuan seperti **ATM (681), RELA (397), APM (63)** dan **Polis Sukarelawan (PVR) (79)**.

3. OPERASI NYAHCEMAR DI SELURUH SARAWAK

Bagi operasi Nyahcemar di Tempat Awam, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak bersama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah melakukan operasi tersebut di kawasan Zon Merah dan Zon Jingga. Seramai **1,976 orang** terlibat dalam operasi tersebut termasuk agensi-agensi seperti berikut:

| BIL | AGENSI | BIL. PETUGAS |
|---------------|--|---------------------|
| 1 | 26 PBT (Bahagian Penguatkuasa - 311) (Pasukan Kesihatan Awam - 284) (Kakitangan Sokongan – 86) | 681 |
| 2 | Jabatan Bomba dan Penyelamat | 753 |
| 3 | Kementerian Kesihatan Malaysia | 220 |
| 4 | Angkatan Pertahanan Awam | 110 |
| 5 | RELA | 94 |
| 6 | PDRM | 52 |
| 7 | Pejabat Daerah | 35 |
| 8 | Lain-Lain | 31 |
| JUMLAH | | 1,976 |

Jawatankuasa Pengurusan Bencana telah menambahkan lagi operasi Nyahcemar pada hari ini daripada **51 kawasan** kepada **86 kawasan** yang bermula 30 Mac hingga 14 April 2020 seperti berikut:

| BIL | DAERAH | BIL. KAWASAN |
|------------|---------------|---------------------|
| 1 | Kuching | 35 |
| 2 | Miri | 19 |
| 3 | Sarikei | 11 |

| | | |
|-----------------------|-----------|-----------|
| 4 | Samarahan | 8 |
| 5 | Limbang | 6 |
| 6 | Betong | 3 |
| 7 | Sibu | 3 |
| 8 | Bintulu | 1 |
| JUMLAH KAWASAN | | 86 |

Manakala operasi Nyahceamar bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) pula, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama *Housing Development Corporation* telah melakukan di dua lokasi PPR seperti berikut:

| BIL | TARIKH | LOKASI | PECAHAN |
|------------|----------------|--------------------------------|--------------------|
| 1 | 6-7 April 2020 | PPR Batu Gong, Batu 13 Siburan | 500 Unit / 11 Blok |
| 2 | 8 April 2020 | PPR Sri Wangi, Kuching | 200 Unit / 10 Blok |

4. PENEMPATAN SEMUA RAKYAT SARAWAK (DARI LUAR NEGARA / SEMENANJUNG / SABAH DAN LABUAN) DI PUSAT KUARANTIN

Pada hari ini terdapat penambahan seramai **52 orang** rakyat Sarawak yang tiba dari luar negara / Semenanjung/ Sabah / Labuan menjadikan jumlah keseluruhan seramai **368 orang** yang telah ditempatkan di Pusat Kuarantin sebagai PUS (*Person Under Surveillance*) seperti berikut:

(Data sehingga 09.04.2020)

| BIL | BAHAGIAN | HOTEL | BILANGAN PUS |
|-------------------|-----------------|---------------------|---------------------|
| 1 | Kuching | Hock Lee | 86 |
| 2 | | Rajah Court Dormani | 87 |
| 3 | Bintulu | Wasan Inn | 16 |
| 3 | Miri | Mega | 89 |
| 4 | | Somerset | 32 |
| 5 | | Ostay Inn | 5 |
| 6 | Limbang | Purnama | 53 |
| Jumlah PUS | | | 368 |

5. RUMUSAN

Keadaan keselamatan di Sarawak berada di dalam keadaan yang terkawal dengan kadar pematuhan PKP 96.5%. Semua agensi-agensi yang terlibat dengan operasi PKP terus melaksanakan kawalan dan pemantauan di negeri Sarawak serta melakukan operasi nyahcemar di semua kawasan Zon Merah dan Jingga bagi mengekang penyebaran COVID-19.

SEKRETARIAT

JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

09 APRIL 2020

4.30 PETANG